

Soalan-soalan Lazim

Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure

A. MENGENAI PROGRAM

1. Apakah matlamat program Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure?

Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure adalah salah satu program Yayasan Peneraju dalam inisiatif meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang Teknologi khususnya Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) sejajar dengan perkembangan pesat IR 4.0 di Malaysia.

Bagi memenuhi permintaan industri yang semakin tinggi untuk pakar dalam bidang teknologi pengkomputeran awan, Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure menawarkan tiga pensijilan daripada *Microsoft*® iaitu:

- Azure Administrator Associate
- Azure Security Engineer Associate
- Azure Solutions Architect Expert

Ketiga-tiga pensijilan ini memberi latihan spesifik mengikut rangkaian permintaan oleh industri, dan ia mampu menyediakan peserta program dengan pengetahuan dan kemahiran lengkap untuk kegunaan di dalam industri.

Latihan program dijalankan secara separuh masa dengan sasaran peserta dari kalangan graduan lepasan ijazah sarjana muda dengan pengalaman bekerja tidak kurang daripada 2 tahun. Mereka yang terpilih untuk menyertai program ini perlu menghadiri sesi latihan selama 5 bulan sebelum memulakan tempoh pemantauan pekerjaan selama 12 bulan.

2. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure?

- Warganegara Malaysia dan Bumiputera;
- Umur di antara 23 hingga 40 tahun semasa mengikuti Program;
- Berminat memasuki Program yang merangkumi latihan serta pekerjaan;
- Merupakan graduan lepasan Ijazah sarjana dalam bidang Teknologi atau bidang lain yang berkaitan.
- Pengalaman kerja sekurang-kurangnya 2 tahun;
- Terma-terma lain yang telah dipersetujui.

3. Apakah peluang yang ditawarkan kepada peserta Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure?

Pensijilan profesional yang khusus seterusnya peluang pekerjaan di dalam bidang teknologi, dengan sasaran untuk mendapat pendapatan kompetitif dengan sasaran kenaikan tidak kurang dari 20% dari gaji asal (bergantung kepada kadar gaji kasar pada permulaan program) dalam tempoh 12 bulan selepas tamat latihan.

4. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?

Tidak. Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure adalah program pembiayaan pendidikan penuh dengan syarat-syarat berikut:

SEKSYEN	PERKARA & BUTIR - BUTIR	
1	SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENUH	
	Syarat-syarat Kelayakan	i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan ii. Lulus semua peperiksaan dalam satu (1) kali percubaan.
	Nilai Pembayaran Balik	Dikecualikan.
	Tempoh Bayaran Balik	Dikecualikan.
2	SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN SEPARA	
	Syarat-syarat Kelayakan	i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan ii. Lulus semua peperiksaan melebihi satu (1) kali percubaan.
	Nilai Pembayaran Balik	20% daripada jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan.
	Tempoh Bayaran Balik	Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program.
3	SKIM PEMBIAYAAN : PINJAMAN PENDIDIKAN	
	Syarat-syarat Kelayakan	i. Melanggar perjanjian; atau ii. Tamat pengajian program melebihi tempoh masa yang ditetapkan.
	Nilai Pembayaran Balik	100% jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan dan dibayar secara penuh.
	Tempoh Bayaran Balik	Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program atau pelanggaran perjanjian ini (mana-mana yang terdahulu).

5. Adakah program ini dibuka kepada calon daripada semua negeri?

Ya, program ini dibuka kepada calon di seluruh Malaysia. Walaubagaimanapun, latihan akan dijalankan di **Lembah Klang sahaja**.

6. Bagaimanakah dengan peluang pekerjaan selepas tamat latihan?

Peserta akan menerima bantuan dan sokongan dalam mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dalam bidang teknologi pengkomputeran awan atau bidang lain yang berkaitan selepas tamat latihan, bergantung kepada prestasi peserta sepanjang kursus dijalankan.

7. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program Peneraju Profesional MCSE Core Infrastructure?

Tidak. Peserta tidak terikat dengan Yayasan Peneraju. Walau bagaimanapun, peserta perlu bekerja di Malaysia, atau sekiranya di luar Malaysia, bekerja dengan syarikat berdaftar di Malaysia dalam tempoh satu tahun selepas tamat program.

8. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?

Ya, perjanjian pembiayaan pendidikan akan disediakan untuk semua peserta program.

9. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenarai pendek untuk menyertai program ini?

Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangani dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju di dalam masa yang ditetapkan.

10. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?

Peserta perlu membayar balik kesemua kos yang telah ditanggung oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan pendidikan program.

11. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?

- Yuran latihan dan pensijilan
- Program Pembangunan & Pemupukan (*Nurture & Development Programme*)
- Bantuan lain seperti makanan, fasiliti latihan dan lain-lain seperti dinyatakan dalam surat tawaran.

12. Adakah peserta dibenarkan membuat tuntutan bayaran perjalanan untuk memasuki program?

Tidak. Yayasan Peneraju tidak menanggung kos perjalanan dan kenderaan peserta sebelum, semasa dan selepas menyertai program.

13. Sekiranya saya sudah menerima pinjaman / biasiswa dari pihak lain, adakah saya masih boleh menerima tawaran biasiswa di bawah tajaan Yayasan Peneraju?

Tidak.

B. PROSES PERMOHONAN

1. Bagaimana cara untuk mendaftar?

Permohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi Yayasan Peneraju www.yayasanpeneraju.com.my atau terus berhubung dengan rakan program kami, Peoplelogy Development Sdn Bhd di talian 011-26192685

2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?

- Pengesahan dokumen-dokumen
- **Penilaian teknikal**
- Sesi temuduga

3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?

Semua peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon / emel oleh rakan program kami.

4. Sekiranya saya tidak berjaya, adakah saya akan dihubungi?

Tidak.

C. STRUKTUR PROGRAM

1. Berapa lamakah program ini akan berlangsung dan apakah komponen yang terkandung?

Program akan berjalan selama 17 bulan yang merangkumi kira-kira 5 bulan latihan teknikal serta 12 bulan pemantauan pekerjaan.

2. Apakah contoh komponen *Nurture & Development Programme (NDP)* yang diterapkan dalam program ini dan setiap program Yayasan Peneraju?

Bagi Peneraju Teknologi MCSE Core Infrastructure, penekanan diberikan dalam aspek pembangunan kemahiran insaniah (*soft skill*) di kalangan peserta meliputi kemahiran berucap, proses membuat keputusan dan penyampaian idea secara efektif. Peserta juga akan dibantu dalam proses pencarian kerja yang lebih berkesan melalui sesi semakan *resume* dan latihan temuduga.

3. Bilakah saya akan mula menerima bantuan biasiswa?

Sebaik sahaja program bermula.